



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2024**

Rujukan : Bil (59) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

29 Mac 2024

Setiausaha Bandaraya,  
Semua Pengarah Kanan,  
Semua Ketua Jabatan / Unit,  
Pembantu Tadbir Kewangan (PT (Kew) PTJ)  
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan / Puan,

**PENAMBAHBAIKAN KADAR DAN SYARAT BAGI PENGINAPAN BERTUGAS RASMI  
DI DALAM NEGERI**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, merujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: WP1.4– Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 yang lalu, Pihak Majlis ingin memaklumkan bahawa **kadar dan syarat bagi penginapan bertugas rasmi di dalam negeri telah ditambahbaik seperti berikut:-**

### Cabutan Pekeliling WP1.4: Para 5.3 Bayaran Sewa Hotel

5.3.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya seperti berikut:

| GRED                        | SEWA PENGINAPAN<br>(MAKSIMUM)(RM) |                                 | PENAMBAHBAIKAN<br>(RM)   |
|-----------------------------|-----------------------------------|---------------------------------|--|
|                             | Semenanjung<br>Malaysia           | Sabah, Sarawak<br>dan WP Labuan | Catatan  |
| Utama/Khas A<br>dan ke atas | Sebenar (Standard Suite)          |                                 | Kadar sebenar dengan <b>had</b><br><b><u>kawalan dalaman</u></b> 500 |
| Utama/Khas B<br>dan C       | Sebenar (Bilik Superior)          |                                 |  |
| 53 dan 54                   | Sebenar (Bilik Biasa)             |                                 |  |
| 45 hingga 52                | 240                               | 270                             | KEKAL  |
| 41 hingga 44                | 220                               | 250                             | KEKAL  |
| 27 hingga 40                | 200                               | 230                             | KEKAL  |
| 17 hingga 26                | 180                               | 210                             | KEKAL  |
| 16 dan ke bawah             | 160                               | 190                             | KEKAL  |

Jadual 1

- Manakala, kadar bagi elaun lojing adalah kekal tanpa pindaan.
- Selaras dengan itu, penambahbaikan kadar dan syarat bagi Bayaran Sewa Hotel Gred 53 dan ke atas berikutan **kesukaran penetapan kadar sebenar yang standard mengikut jenis bilik hotel**. Selain itu, ianya juga bertujuan sebagai **kawalan dalaman**, memastikan tuntutan bagi pegawai-pegawai adalah **berpatutan dan munasabah**, membudayakan amalan **perbelanjaan berhemah** dan mengamalkan konsep **best value for money** dalam urusan perbelanjaan Majlis khususnya.
- Selain itu, **penambahbaikan syarat Bayaran Sewa Hotel (Gred 53 dan ke atas) yang melebihi kadar RM350 bagi satu malam, perlu disertakan dengan justifikasi terperinci bagi pemilihan hotel berkenaan.**

6. Sekiranya tuntutan Bayaran Sewa Hotel tersebut adalah melebihi kelayakan pegawai, merujuk cabutan pekeliling WP1.4 - Para 5.3.3 menyatakan sekiranya tuntutan Bayaran Sewa Hotel tersebut adalah melebihi kelayakan pegawai, Pegawai Pengawal boleh meluluskan tuntutan tersebut dengan kadar tidak melebihi 20% daripada kadar kelayakan pegawai selaras prinsip *Let Managers Manage*, **bayaran selebihnya perlu ditanggung oleh pegawai/ anggota berkenaan.**

7. Dengan itu, tuan /puan dikehendaki untuk memastikan semua urusan perolehan dan pembayaran Majlis mematuhi prosedur kewangan yang berkuatkuasa. Pemakaian arahan kewangan ini **berkuat kuasa mulai 1 April 2024.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"IPOH BESTARI SEJAHTERA"**

**"IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025"**

**"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD)**

Datuk Bandar Ipoh

Majlis Bandaraya Ipoh

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

**"PROMISING PERAK" TMP2024**